



**ANTARA** Pelajar SMK Bintulu yang mengambil bahagian dalam program SULAM @ AGRISMART, baru-baru ini.

## 35 pelajar SMK Bintulu sertai SULAM @ AGRISMART

**BINTULU:** Seramai 35 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bintulu menyertai program SULAM @ AGRISMART anjuran Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama sekolah tersebut, baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program itu bertujuan memberi pendedahan tentang teknologi pertanian pintar dan menggalakkan pemikiran kritis serta penyelesaian masalah.

Aktiviti yang dijalankan termasuk sesi perkenalan, penerangan mengenai konsep pertanian pintar, dan kuiz untuk menguji kefahaman peserta.

Selain itu, aktiviti D' Racing memberi peluang kepada pelajar untuk mengendalikan dron, manakala aktiviti 'Code to Irrigate' membolehkan mereka memasang kit pengairan automatik berasaskan 'Internet of Things' (IoT).

Dalam kenyataan itu, pengarah program, Yohanes Laing Zakaria menzahirkan rasa puas hati terhadap penganjuran program

dan berharap agar lebih banyak program seumpama itu dapat dianjurkan pada masa hadapan.

"Program ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang teknologi pertanian pintar, tetapi juga menggalakkan mereka berfikir secara kritis dan inovatif.

"Program seperti ini penting untuk mendidik pelajar mengenai teknologi dan kepentingan pertanian pintar," ujarinya.

Sementara itu, penasihat program, Dr. Omar Faruqi Marzuki berkata, program tersebut amat penting kerana ia dapat merapatkan jurang antara akademik dan keperluan komuniti.

"Melalui SULAM, kami bukan sahaja mengajar, tetapi mencipta pengalaman bermakna untuk pelajar UPMKB dan SMK Bintulu," katanya.

Program SULAM @ AGRISMART membuktikan komitmen UPMKB dalam membangunkan literasi teknologi dan melibatkan komuniti melalui pendidikan pertanian moden.